

Ucapan Perasmian

**Yang Berhormat
Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya**

**Sempena
Majlis Perasmian myBIM Centre**

**myBIM Centre, Aras 11, Sunway Putra Tower
20 November 2017 (Isnin)**

Assalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam Negaraku dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Perasmian *myBIM Centre*.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB Malaysia, kerana telah Berjaya menubuhkan *myBIM Centre*. Syabas di atas sumbangan CIDB Malaysia terhadap penambahbaikan industri pembinaan negara!

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pelancaran *myBIM Centre* sememangnya tepat pada masanya. Ini kerana, dalam era digital hari ini, teknologi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi cara kita hidup dan bekerja. Tambahan pula, kini kita sedang bergerak kearah Revolusi Perindustrian Keempat, atau Industri 4.0. Penerapan teknologi dalam apajua yang kita lakukan tidak boleh lagi semata-mata menjadi pilihan atau “*choice*” tetapi haruslah menjadi keperluan atau “*necessity*” dalam usaha kita untuk meningkatkan produktiviti sector pembinaan tempatan supaya ianya setara dengan sector pembinaan di Negara maju yang lain. Hari ini, teknologi telah berkembang menjadi pembolehubah utama dan industri

pembinaan haruslah menggunakan system pembinaan moden yang sedia ada untuk menambahbaik kaedah pembinaan.

4. Sehubungan dengan itu, saya amat berbangga dengan penubuhan *myBIM Centre* yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan teknologi BIM di Malaysia. Seperti yang anda mungkin ketahui, penerapan teknologi BIM di Malaysia masih rendah, iaitu 17peratus¹, berbanding dengan Amerika Syarikat pada 71 peratus², Singapura pada 65 peratus³ dan United Kingdom pada 54 peratus⁴.
5. Pemodelan Maklumat Bangunan atau Building Information Modeling (BIM) mempunyai pelbagai kelebihan yang dapat dimanfaatkan dalam keseluruhan rantai nilai industri pembinaan. Apabila digunakan dari peringkat perancangan, BIM membolehkan semua pihak yang terlibat dalam projek itu untuk memvisualisasikan, mengkoordinasikan dan menganalisa ciri-ciri fizikal dan fungsi utama setiap elemen sebelum pembinaan bermula.
6. Melalui penggunaan BIM, ia akan meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kualiti keseluruhan proses pembinaan. Malah, potensi BIM untuk mengurangkan kos pembinaan dan mengelakkan masalah rekabentuk dalam fasa perancangan adalah tujuan utama Kerajaan mendorong untuk meningkatkan penggunaan BIM dalam industri. Malah, Kerajaan akan mengarahkan, bermula 2019, projek-projek awam yang bernilai RM100 juta dan keatas mesti menggunakan BIM Level 2 sebagai sebahagian daripada proses mereka.
7. Tambahan pula, penggunaan BIM juga menyokong penggunaan Sistem Binaan Berindustri atau pun IBS seperti yang dicadangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk mewajibkan penggunaan IBS menjelang 2020.

¹Malaysia Building Information Modelling Report 2016, CIDB Malaysia

²Construction Market Report 2014, McGraw Hill

³CIDB Survey 2014, Construction Industry Transformation Programme 2016-2020

⁴National BIM Report 2016, NBS

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. *myBIM Centre* akan bertindak sebagai pusat rujukan atau “*one-stop reference centre*” untuk semua perkara yang berkaitan dengan penggunaan BIM. Perkhidmatan yang akan disediakan oleh *myBIM Centre* termasuk menjadi pusat latihan untuk pemaju, kontraktor, perunding dan pembekal BIM, dimana latihan yang disediakan termasuk *Affordable BIM Software Training, BIM Concept, BIM Modeler, BIM Coordinator* dan *BIM Manager*. Penggiat industri yang dilatih akan diakreditasi tahap kompeten mereka dalam BIM oleh CIDB. Sejak 2016 hingga kini CIDB telah melatih seramai 1,300 penggiat industri menggunakan BIM.
9. Tambahan pula, laman web *myBIM Centre* iaitu MyBIM Portal pun telah siap dibina dan kini dibuka untuk digunakan oleh para penggiat industri. Kemudahan yang sedia ada dalam MyBIM Portal termasuk program-program latihan BIM, maklumat penting mengenai BIM serta tempahan untuk penggunaan fasiliti-fasiliti seperti MyBIM Studio, serta bilik-bilik seminar yang sedia untuk digunakan di *myBIM Centre*.
10. Di samping itu, *myBIM Centre* juga akan memberikan penggiat industri akses kepada perisian dan perkakasan BIM berdasarkan prinsip *pay-per-use* pada harga yang berpatutan atau *affordable*. Tambahan pula, *National BIM Library* juga akan beroperasi di *myBIM Centre* di mana pengguna boleh memuat turun dan menggunakan mana-mana objek dan komponen BIM yang disenaraikan di perpustakaan.
11. CIDB telah pun melaburkan hampir RM3 juta untuk penubuhan *myBIM Centre* ini termasuk kos perkakasan dan perisian BIM. Saya yakin dengan penubuhan *myBIM Centre*, penggiat-penggiat industri pembinaan Malaysia akan member lebih banyak perhatian dan menggunakan perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan di *myBIM Centre*, yang seterusnya akan meningkatkan penggunaan BIM dalam industri.

12. Projek BIM yang pertama dalam Negara adalah bangunan Institut Kanser Negara di Putrajaya yang diselia oleh Jabatan Kerja Raya. Pada masa ini, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menggunakan BIM untuk membina empat hospital awam lain yang memerlukan perancangan terperinci dan kos yang tinggi. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan kearah memanfaatkan BIM dalam projek awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Industri pembinaan memainkan peranan sebagai tulang belakang pertumbuhan sosioekonomi Malaysia. Untuk mencapai cita-cita Negara dalam menjadi Negara maju menjelang 2020, pembinaan *infrarakkyat* dan bangunan kian rancak dilaksanakan. Sesungguhnya industri pembinaan bertindak sebagai pemboleh-ubah pertumbuhan bagi keseluruhan ekonomi, dan ini boleh dilihat dengan lebih 120 industri lain yang bergantung kepada industri pembinaan.

14. Sekiranya kita melihat sumbangan industri pembinaan secara menyeluruh, dari segi pertumbuhan tahunan, industri pembinaan telah mencapai pertumbuhan purata sebanyak 11.1% semasa Rancangan Malaysia Ke-10 dan ini melepasi prestasi semua sector ekonomi yang lain. Pada 2016 pula, industri pembinaan mencatatkan kadar pertumbuhan 7.4 peratus. Walaupun kadar pertumbuhan keseluruhan telah berkurang, pertumbuhan industri pembinaan masih melebihi pertumbuhan keseluruhan KDNK negara yang direkodkan sebanyak 4.2 peratus – dan ini membuktikan kekuatan dan impak sector pembinaan terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

15. Ini juga dapat dilihat dari nilai kerja pembinaan pada suku kedua tahun 2017 yang mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 11.2 peratus pada RM33.8 bilion dari tahun ketahun. Manakala, pada suku pertama 2017, nilai kerja pembinaan dicatatkan pada RM35.1 bilion, dengan mencapai pertumbuhan 9.7 peratus. Peluasan nilai pembinaan ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsector seperti kejuruteraan awam, aktiviti perdagangan khas,

bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman⁵.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Walaupun industri pembinaan terus menikmati pertumbuhan yang memberangsangkan, penambahbaikan seharusnya dilakukan dari segi peningkatan produktiviti. Ini adalah kerana, Laporan Produktiviti terkini yang dihasilkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun 2015, industri pembinaan mengalami tahap produktiviti terendah sebanyak RM35,673 bagi setiap pekerja berbanding dengan industri pertanian yang mencapai RM53,540 setiap pekerja, industri perkhidmatan yang mencapai RM66,346 setiap pekerja, manakala industri pembuatan kekal sebagai sektor dengan tahap produktiviti tertinggi pada RM105,156 setiap pekerja.
17. Oleh itu, peningkatan tahap produktiviti industri pembinaan menjadi agenda utama dalam Program Transformasi Industri Pembinaan ataupun CITP yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak pada September 2015 untuk mentransformasi industri pembinaan menjadi sebuah industri yang moden, produktif, mampan dan kompetitif.
18. Untuk mencapai aspirasi tersebut, CITP telah menetapkan empat teras strategic untuk memacu transformasi industri iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan.
19. Melalui teras strategic Produktiviti, sasaran CITP adalah untuk meningkatkan tahap produktiviti dalam industri melebihi dua kali ganda melalui tiga pemacu utama: tenagakerja, teknologi dan proses. Dalam CITP, BIM telah dikenalpasti sebagai teknologi utama yang, sekiranya digunakan secara meluas, akan menggandakan produktiviti industri pembinaan.

⁵ Department of Statistics Malaysia,
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemebByCat&cat=77&bul_id=SWtaUzhZVUk3V2R3OE1zWHZKaXVhZz09&menu_id=OEY5SWtFSVVFVUpmUXEyaHppMVhEdz09

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Saya pasti bahawa *myBIM Centre* akan membantu meningkatkan penggunaan teknologi pembinaan moden oleh para penggiat industri serta meningkatkan tahap produktiviti dalam sector pembinaan. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada CIDB Malaysia kerana menganjurkan program, seminar dan bengkel di seluruh Negara untuk meningkatkan kesedaran penggunaan BIM.

21. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada CIDB Malaysia kerana Berjaya menubuhkan *myBIM Centre*. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru penggiat industri untuk menerima perubahan teknologi dalam industri pembinaan dan member perhatian yang lebih besar terhadap manfaat BIM dan menggunakan system itu dalam projek pembinaan mereka. Saya juga ingin menggalakkan penggiat industri untuk menggunakan *myBIM Centre* sepenuhnya dan menerajui pemodenan sector pembinaan.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran *myBIM Centre*.

23. Sekian, terimakasih. Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.

#####